

08 FEB 2003

Mahathir-Projek (Bergambar)

DR MAHATHIR TINJAU PROJEK PELANCONGAN DI SEKITAR LANGKAWI

LANGKAWI, 8 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghabiskan masa kira-kira dua jam dengan memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda bagi meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar pulau perangan ini.

Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain melawat Galeria Perdana di Kilim di sini, galeri yang menempatkan lebih 8,000 koleksi cenderahati yang diterima beliau daripada pemimpin dan tokoh dunia serta tempatan, bagi meninjau pembinaan dua blok bangunan baru.

Dua blok bangunan baru bernilai hampir RM24 juta sedang dibina untuk menempatkan cenderahati secara lebih sistematik yang mempunyai kemudahan auditorium dengan 150 tempat duduk yang dilengkapi sistem audio.

Beliau kemudian melawat jeti Sungai Kilim yang terletak berdekatan galeri itu untuk melihat projek pembangunan di situ termasuk pembangunan hutan paya bakau berdekatan.

Dr Mahathir kemudian meninjau pantai Tanjung Rhu sebelum meneruskan lawatannya ke pusat penyenggaraan kapal layar dan kapal mewah di Tanjung Lembung di sini sebelum menaiki sebuah kapal pesiaran.

Sebelum itu, pada sebelah pagi, Dr Mahathir meninjau kemajuan projek "Harbour Park Langkawi" bernilai RM40 juta di Pantai Kok di sini yang akan dibangunkan berdasarkan konsep pembangunan ala Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Pelbagai kemudahan lain juga dibina di kawasan seluas 12 hektar itu seperti hotel butik dan apartmen.

Dr Mahathir kemudian melawat stesen perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks beli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter dan diberi taklimat mengenai cadangan projek membina jambatan gantung bernilai RM2 juta, yang akan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong menggunakan perkhidmatan kereta kabel.

Perdana Menteri dijadual pulang ke ibu negara esok.

-- BERNAMA

NH RHM